

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 3/1999**

---

**MAKLUMAT MENGENAI BUTIRAN PEMILIKAN TANAH**  
**DALAM KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**  
**BERHUBUNG DENGAN PERMOHONAN MEMILIKI TANAH KERAJAAN**

Arahan ini dikeluarkan supaya semua Pentadbir Tanah Jajahan mengambil langkah menentukan maklumat lengkap dan kemaskini dibekalkan kepada Pihak Berkuasa Negeri menerusi Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi membolehkan pertimbangan dan keputusan yang tepat dibuat bagi permohonan-permohonan memiliki tanah Kerajaan didalam persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Bagi tujuan tersebut maklumat mengenai pemilikan tanah-tanah lain yang dimiliki oleh pemohon hendaklah dinyatakan dengan lengkap dan jelas didalam kertas laporan fail-fail berkenaan dan Kertas Majlis-Majlis Mesyuarat Kerajaan. Maklumat yang lengkap mengenai pemilikan tanah-tanah oleh pemohon adalah penting bagi membolehkan pertimbangan yang tepat dan sewajarnya dibuat samaada oleh Pihak Berkuasa Negeri, atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah dibawah Perwakilankuasa sebagaimana Pekeliling PTG Bil.5 / 91.
3. Maklumat-maklumat yang dimaksudkan termasuk maklumat-maklumat pemilikan hartanah oleh suami / isteri pemohon bagi permohonan sesuatu bidang tanah.
4. Semua Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya mengambil perhatian dan tindakan sebagaimana para 2 dan 3 diatas.
5. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

**t.t**  
**(MD. YUSOF BIN NOH)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN.**

Kepada : Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

- Salinan Kepada :
1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
  2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan.
  3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
  4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewngan Negeri Kelantan.
  5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
  6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
  7. YBrS Ketua Penolong Setiausaha  
(Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**  
**BLOK 3,KOTA DARULNAIM**  
**15576 , KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN. 3269/ JLD.2/(44)**

**Bertarikh : 28 SAFAR 1420**  
**13 JUN 1999**